


## **HUKUM WANG SIMPANAN KWSP, SOCSO DAN SEUMPAMANYA BAGI AHLI YANG BERAGAMA ISLAM YANG MENINGGAL DUNIA**

### **Keputusan :**

1. Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor telah bersetuju memutuskan bahawa **Wang KWSP** adalah dikira **harta pusaka** dan pihak KWSP dinasihati memikirkan peraturan-peraturan yang sesuai dan perlu dilaksanakan untuk **membahagikan harta pusaka tersebut mengikut hukum faraid**. Manakala SOCSO, mesyuarat telah bersetujuk menanggungkan keputusannya untuk mendapatkan keterangan dengan lebih teliti dan lengkap.
  
2. Keputusan ini adalah berdasarkan kepada hujah-hujah seperti berikut :
  - (a) Dalam Islam, segala harta peninggalan simati dikira harta pusaka yang wajib dibahagikan kepada ahli-ahli waris mengikut hukum faraid. Ini adalah berdasarkan firman Allah S.W.T dalam surah An-Nisaa ' ayat 11:



### Maksudnya :

**“Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan ..”**

(Surah An-Nisaa ' ayat :11)

- (b) Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Panel Syariah pada 19 Jun 1999 memutuskan bahawa :
  - i. Tabung Haji sendiri menjadi penasihat kepada penama-penama bagi pendeposit dan menasihatkan mereka supaya membahagikan harta peninggalan kepada ahli-ahli lain mengikut hukum faraid.

ii. Mesyuarat seterusnya dimaklumkan bahawa rang undang-undang mengenai “penama” sebagai wasi telah disiapkan oleh Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang JAKIM dan sedang dalam proses untuk dikemukakan kepada Peguam Negara untuk diwartakan. Antara kandungannya adalah seperti berikut :

**“ Wang yang diterima oleh penerima namaan atas kematian penama”**

iii. Jika seseorang Islam telah menamakan seseorang di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk menerima wang atas kematian penama itu, orang yang dinamakan sedemikian hendaklah menerima dan memegang wang yang diterima olehnya mengikut penamaan itu untuk faedah harta pusaka itu dan hendaklah membayar wang itu kepada wasi atau pentadbir penama tersebut mengikut mana yang berkenaan. Dan wasi dan pentadbir itu hendaklah membahagikan wang itu mengikut Hukum Syarak.

(c) Oleh yang demikian , berdasarkan keputusan Panel Syariah tersebut , dicadangkan KWSP sendiri menjadi penasihat kepada penama-penama bagi pendeposit-pendeposit supaya membahagikan wang KWSP bagi ahli yang telah meninggal dunia kepada ahli-ahli waris mengikut hukum faraid.